

SPESIFIKASI SKOP PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN
TANPA SENJATA API DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH
SEBERANG PERAI TENGAH, BUKIT MERTA JAM PULAU PINANG
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN
MULAI 1 OKTOBER 2019 HINGGA 30 SEPTEMBER 2020

1. SKOP PERKHIDMATAN

Menyediakan tenaga kerja Pengawal Keselamatan Tanpa Senjata (bertaraf Bumiputera) bagi menjaga bangunan dan lain-lain harta benda milik jabatan dalam kawasan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah daripada sebarang ancaman keselamatan seperti kacau ganggu, kecurian, vandalisme atau kerosakan dan pencerobohan dengan memastikan keadaan sentiasa baik serta terkawal.

2. JADUAL BERTUGAS PENGAWAL KESELAMATAN

2.1 Tempoh perkhidmatan adalah mulai 1 Oktober 2019 hingga 30 September 2020 (1 Tahun).

2.2 Pecahan Jadual Bertugas :

2.2.1 Hari Bekerja / Hari Cuti / Kelepasan Am

DOKUMEN MEJA

Jadual	Bil. Pengawal Keselamatan	Tugasan Kawalan	Tempoh Masa
a) Syif Pertama 7.00 pagi – 7.00 petang	2 x Tidak Bersenjata	Rondaan Seluruh Kawasan Pejabat	12 jam
b) Syif Kedua 7.00 petang – 7.00 pagi	2 x Tidak Bersenjata	Rondaan Seluruh Kawasan Pejabat	12 jam

3. TANGGUNGJAWAB SYARIKAT PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DILANTIK

3.1 Menyediakan pusingan kerja dan memastikan Pengawal Keselamatan melaksanakan tugas mengikut jadual yang ditetapkan tanpa sebarang kegagalan.

3.2 Menyediakan pakaian seragam dan peralatan yang berkaitan kepada setiap Pengawal Keselamatan bertugas.

3.3 Menyediakan kemudahan peralatan *Clocking System* bagi **10 point** utama mengikut ketetapan jabatan (*kecuali sekiranya telah dipasang oleh pihak jabatan*)

dan memastikan rondaan dilakukan dalam tempoh berkala sejam sekali.

- 3.4 Syarikat Perkhidmatan Kawalan Keselamatan hendaklah bertanggungjawab ke atas segala kerosakan, kecurian, kehilangan atau kerugian ke atas jabatan sekiranya didapati kejadian adalah berpunca daripada kelalaian Pengawal Keselamatan yang bertugas.
- 3.5 Mematuhi dan melaksanakan keperluan tugas khas yang diarahkan oleh jabatan semasa perjalanan majlis-majlis tertentu dengan melaksanakan kawalan trafik dalaman.
- 3.6 Menyediakan polisi insurans bagi Insurans Tanggungan Awam, Insurans Pampasan Pekerja dan lain-lain polisi yang difikirkan perlu dan diminta oleh Kerajaan atas perbelanjaan sendiri. Polisi insurans yang diperakui dan resit ke atas premium yang dibeli itu hendaklah dikemukakan kepada Kerajaan dalam tempoh **empat belas (14) hari** selepas notis penerimaan tawaran.

4. BAYARAN PERKHIDMATAN

Bayaran akan dibuat secara bulanan mengikut peraturan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedia ada.

DOKUMEN MEJA

5. PENAMATAN KONTRAK PERKHIDMATAN

Pembatalan Perkhidmatan oleh kedua-dua belah pihak iaitu Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah dan Syarikat Perkhidmatan Keselamatan adalah berhak menamatkan kontrak ini dengan memberi notis awal secara bertulis iaitu **tiga (3) bulan** sebelum perkhidmatan tersebut hendak ditamatkan.

6. PEMATUHAN DOKUMEN PERJANJIAN

Menandatangani satu **PERJANJIAN** dengan **KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG** dalam tempoh **satu (1) minggu** selepas surat penerimaan dikeluarkan. Dokumen-dokumen perjanjian hendaklah dipersetujui di antara kedua-dua belah pihak dan sebarang keperluan tambahan perlu dimasukkan di dalam dokumen perjanjian dan dibaca bersama. Cukai setem yang terlibat di dalam perjanjian ini akan ditanggung oleh syarikat yang berjaya.

Pegawai Daerah

Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah

SENARAI PERKHIDMATAN YANG SEDANG DAN TELAH DILAKSANAKAN

(Untuk Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata) Bagi Bangunan dan Kawasan Pejabat Sahaja)

Bil.	Nama/Jenis Kontrak	Nama dan Alamat	Harga	Tempoh Kontrak		Nama/ No. Telefon Pegawai Jabatan yang
				Mula	Tamat	
DOKUMEN MEJA						

Perhatian :

Wajib disenaraikan pengalaman yang dilaksanakan bagi tempoh semasa dan lima (5) tahun ke belakang sahaja dan **Wajib** sertakan surat tawaran kontrak/ bukti daripada jabatan/ agensi berkenaan.

Sila sediakan helaian lampiran untuk tambahan maklumat sekiranya ruangan di atas tidak mencukupi.

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Tanda Tangan &

Cop Rasmi Syarikat :